SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG - DAP]

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 39)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan komposisi Parlimen Belia mengikut pecahan jantina, kaum dan umur serta tindakan yang akan diambil supaya Parlimen Belia lebih menggambarkan populasi belia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 133 orang Ahli Parlimen Belia telah dipilih bagi sesi penggal pertama tahun 2014-2016 yang terdiri daripada 110 orang lelaki dan 23 orang perempuan. Daripada jumlah 133 orang APBM, seramai 101 orang kaum Melayu, 6 orang kaum Cina, 7 orang kaum India, 5 orang Bumiputera Sarawak, 12 orang Bumiputera Sabah, seorang (1) Orang Asli dan seorang (1) daripada lain-lain kaum.

2) Ahli Parlimen Belia yang berumur 18-25 tahun adalah seramai 46 orang manakala yang berumur 26-30 tahun adalah seramai 87 orang. Jumlah Ahli Parlimen Belia ini merujuk kepada jumlah populasi belia di sesebuah negeri. Kuota Ahli Parlimen Belia Malaysia mengikut negeri adalah berdasarkan nisbah 1: 100,000 orang belia.

Sekian, terima kasih.